

GARIS PANDUAN PENARAFAN DAN PEMANTAUAN PUSAT SUMBER SEKOLAH,  
MAKMAL KOMPUTER DAN PUSAT AKSES  
DAERAH BATU PAHAT  
TAHUN 2010

---

1. PENDAHULUAN

Pusat Kegiatan Guru ( PKG ) merupakan cabang terakhir dalam Bahagian Teknologi Pendidikan dalam merialisasikan usaha kerajaan terutama Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Pusat Sumber Sekolah dan Inisiatif ICT. Justeru itu, berdasarkan kepada salah satu fungsi dalam Sasaran Kerja Tahunan PKG ialah memantau, menyelaras, menilai dan memberi khidmat bantu PSS, Galakan Membaca dan ICT, maka satu garis panduan bagi tujuan tersebut disediakan. Ini akan memberi kefahaman kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pemantauan berikut.

2. FASA PEMANTAUAN

Pusat Kegiatan Guru Daerah Batu Pahat akan melaksanakan 2 fasa pemantauan ke sekolah. Fasa tersebut adalah seperti berikut :

2.1 Fasa 1 : 8 hingga 31 Mac 2010

Melibatkan setengah ahli pertama PKG masing-masing

2.2 Fasa 2 : 23 April hingga 30 Jun 2010

Melibatkan setengah ahli kedua PKG masing-masing

\* Sekolah yang telah terlibat dalam fasa 1 tidak akan terlibat dalam fasa 2 – HARAP MAKLUM

3. SKOP PEMANTAUAN

Skop pemantauan PKG ke sekolah adaah seperti berikut :

3.1 Pusat Sumber Sekolah

3.2 Program NILAM

3.3 Makmal Komputer

3.4 Pusat Akses ( sekolah terpilih )

4. PELAKSANAAN PEMANTAUAN

4.1 Tindakan Guru Perpustakaan dan Media

4.1.1 Guru Perpustakaan dan Media ( GPM ) perlu membuat cetakan instrumen Pusat Sumber Sekolah ( IQ-PSS ). Boleh muat turun di portal PKG Baru Pahat.

- 4.1.2 Dengan menggunakan instrumen IQ-PSS, GPM perlu membuat penarafan sendiri berdasarkan keadaan sebenar PSS.
  - 4.1.3 Dengan menggunakan instrumen yang telah diberi penarafan oleh GPM, instrumen tersebut perlu diserahkan kepada Guru Penolong Kanan 1 untuk membuat penarafan kedua. GPK 1 perlu membuat penarafan berdasarkan keadaan sebenar PSS.
  - 4.1.4 GPK 1 perlu memberikan ulasan terhadap penarafan tersebut.
  - 4.1.5 GPK 1 perlu menyerahkan kembali instrumen tersebut kepada GPM.
  - 4.1.6 GPM pula perlu menyerahkan instrumen yang digunakan tadi kepada pemantau yang hadir bagi tujuan penyemakan dan urusan pemantauan PSS.
  - 4.1.7 Setelah selesai penyemakan oleh pemantau PKG, GPM perlu mengisi data-data dari instrumen tersebut di dalam IQ-PSS online. Pengisian data secara online perlu diselesaikan dalam tempoh 1 minggu selepas pemantauan.
  - 4.1.8 Instrumen hardcopy yang telah digunakan oleh GPM, GPK 1 dan PKG perlu dihantar 1 minggu selepas pemantauan ke PKG MASING-MASING.
  - 4.1.9 Sila pastikan sekolah menyimpan salinan hasilan pemantauan.
- 4.2 Tindakan Penyelaras Bestari / Penyelaras ICT
- 4.2.1 Penyelaras Bestari / Penyelaras ICT yang bertanggungjawab terhadap Makmal Komputer dan Pusat Akses perlu melakukan membuat cetakan instrumen Pemantauan Makmal Komputer dan Pusat Akses.
  - 4.2.2 Dengan menggunakan instrumen tersebut, Penyelaras Bestari / Penyelaras ICT perlu membuat penarafan sendiri berdasarkan keadaan sebenar Makmal Komputer dan Pusat Akses.
  - 4.2.3 Dengan menggunakan instrumen yang telah diberi penarafan oleh Penyelaras Bestari / Penyelaras ICT, instrumen tersebut perlu diserahkan kepada Guru Penolong Kanan 1 untuk membuat penarafan kedua. GPK 1 perlu membuat penarafan berdasarkan keadaan sebenar Makmal Komputer dan Pusat Akses.
  - 4.2.4 GPK 1 perlu memberikan ulasan terhadap penarafan tersebut.
  - 4.2.5 GPB/ICT pula perlu menyerahkan instrumen yang digunakan tadi kepada pemantau yang hadir bagi tujuan penyemakan dan urusan pemantauan Makmal Komputer dan Pusat Akses.
  - 4.2.6 Instrumen hardcopy yang telah digunakan oleh GPB/ICT, GPK 1 dan PKG perlu dihantar 1 minggu selepas pemantauan ke PKG MASING-MASING.
  - 4.2.7 Sila pastikan sekolah menyimpan salinan hasilan pemantauan.
- 4.3 Tindakan Guru Penolong Kanan 1 ( GPK 1 )
- 4.3.1 Guru Penolong Kanan 1 ( GPK 1 ) akan menerima instrumen pemantauan bagi Pusat Sumber Sekolah, Makmal Komputer dan Pusat Akses dari Guru Perpustakaan dan Media dan Penyelaras Bestari / Penyelaras ICT setelah GPM ditaklimatkan oleh PKG.

- 4.3.2 GPK 1 perlu membuat penarafan kedua terhadap PSS, Makmal Komputer dan Pusat Akses menggunakan instrumen yang telah diberikan berdasarkan keadaan sebenar Makmal Komputer dan Pusat Akses.
- 4.3.3 GPK 1 perlu membuat ulasan terhadap setiap instrumen tersebut.
- 4.3.4 GPK 1 perlu menyerahkan kembali kepada Guru Perpustakaan dan Media serta Penyelaras Bestari / Penyelaras ICT dalam tempoh 2 hari selepas GPM menyerahkan kepada GPK 1.

## 5. KEPERLUAN SEMASA PEMANTAUAN

- 5.1 GPM dan GPB/ICT perlu menyediakan instrumen yang telah dibuat penarafan oleh GPK 1.
- 5.2 GPM Menyediakan segala dokumen yang berkaitan dengan Pusat Sumber Sekolah ( Perpustakaan, Bilik Tayang, Bilik ABM dan sebagainya ).
- 5.3 GPB/ICT menyediakan segala dokumen berkaitan ICT.

## 6. PENUTUP

Semoga dengan adanya sedikit panduan pemantauan ini akan memudahkan lagi sistem pemantauan yang akan dilakukan oleh PKG. Justeru itu, kami di PKG mengharapkan agar pemantauan yang akan dilakukan ini memberi impak yang besar dalam mencapai taraf Pusat Sumber Cemerlang menjelang tahun 2011.

Sekiranya terdapat sebarang permasalahan berkaitan pemantauan, GPM atau GPB/ICT boleh berhubung terus dengan urusetia Pemantauan Daerah Batu Pahat iaitu En Mohd Noor Hafiz bin Zakaria, Pegawai Teknologi Pendidikan PKG Ayer Hitam ditalian 013-7783381